



Kekasih belum sedia tukar agama

Gadis buntu hubungan cinta tidak ke mana kerana perbezaan pegangan

Soalan:

KEKASIH hati saya beragama Kristian namun saya amat menyayanginya dan begitu juga dia.

Masalahnya, dia tidak sanggup menukar agama kerana takut kehilangan keluarga.

Ibu bapa dia sangat garang, tambahan pula dia anak sulung dan satu-satunya anak lelaki dalam keluarga.

Pelbagai usaha saya lakukan termasuk memberitahu dia keistimewaan Islam selain menghadihkan buku panduan solat.

Bagaimanapun, saya tidak tahu adakah dia kini benar-benar bersedia menerima Islam kerana setiap kali saya memintanya memeluk Islam, dia takut berbuat demikian walaupun dia selalu mengatakan kesediaannya berbuat demikian.

Apakah yang perlu saya lakukan doktor? Saya tidak pernah terfikir untuk bercinta dengannya, namun takdir menemukan kami.

Kini, setiap saat saya sentiasa risau memikirkannya dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan.

Saya berharap masalah saya dapat diselesaikan.

Jawapan:

DRAMAT memahami masalah adik. Adik menghadapi konflik antara emosi dengan tuntutan agama.

Dalam keadaan ini, jawapannya sangat jelas.

Jika kekasih adik ingin berkahwin dengan adik, dia perlu memeluk agama Islam.

Keengganan kekasih adik untuk bertukar agama kerana takutkan kegarangan ibu bapanya menunjukkan dia belum bersedia untuk menjadi seorang Muslim.

Selagi kekasih adik tidak memeluk Islam, ini bermakna adik tidak boleh berkahwin dengannya.

Jika ini berlaku, adik perlu bersedia untuk menghadapi kesan



HIDAYAH...menarik orang bukan Islam memeluk agama Islam perlukan dakwah berterusan.

perpisahan dari sudut emosi.

Dr akui ia bukan sesuatu yang mudah, namun adik perlu melalui semua ini dengan perasaan yang tenang dan kuatkan semangat.

Bunyinya sangat mudah untuk melakukannya tetapi secara realitinya, untuk melupakan seseorang yang sudah ada jalinan emosi sememangnya sukar dilakukan.

Dr amat memahami perasaan adik. Namun, jika adik tetap meneruskan perhubungan ini tanpa ada kesudahan yang dibenarkan dalam agama, keadaan akan

semakin sulit pada masa akan datang.

Semakin lama tempoh masa yang diambil kekasih adik membuat keputusan untuk bertukar agama, secara tidak langsung ia meletakkan perhubungan adik dengannya dalam situasi yang sukar.

Mintalah kekasih adik membuat keputusan segera.

Apapun keputusannya, adik perlu bersedia menghadapinya.

Perkahwinan adik dengannya tidak dapat dilakukan jika dia tidak sanggup untuk menukar agamanya dan perhubungan ini tidak akan ke mana.

Sesukar manapun keadaan-nya, adik perlu tahu membatasi antara perkara yang boleh dan dilarang dalam agama Islam dalam sesuatu perhubungan itu.

Dr sentiasa mendoakan adik tenang dalam menghadapi situasi sebegini dan mengharapkan yang terbaik untuk adik.

Gadis sedih teman lelaki tak pandai memujuk

Soalan:

SAJA berusia 22 tahun dan menuntut di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam. Saya mempunyai seorang teman lelaki yang sebaya dan dia sudah bekerja. Kami bercinta sejak saya berumur 13 tahun lagi dan sehingga kini, kami masih lagi bersama. Kami merancang berkahwin selepas saya tamat belajar.

Saya sangat menyayanginya tetapi kami sentiasa bergaduh dan boleh dikatakan seminggu sekali. Pergaduhan kami tidak akan selesai selagi kami tidak tidak mengeluarkan air mata dan itu sajalah jalan penyelesaian.

Punca kami selalu bergaduh apabila terasa hati.

Selepas itu, kedua-duanya merajuk. Tapi apabila saya merajuk, dia tidak pernah memujuk.

Sebaliknya, dia akan merajuk dengan saya dan keadaan ini

menambahkan lagi rasa sakit hari saya terhadapnya.

Kerana ego, kami bergaduh dan masing-masing tidak mahu mengalah.

Setiap kali bergaduh, saya terpaksa memujuk diri sendiri dan juga dirinya serta membuang rasa sakit hati terhadapnya.

Jika nak harapkan dia untuk memujuk saya, entah bila dia akan buat begitu.

Dengan keadaan ini, satu saja yang saya inginkan dan perlukan daripadanya iaitu memahami saya.

Saya mahu dia tahu bahawa apabila saya marah, dia sepatutnya melembutkan hati saya dan mengelakkan pergaduhan disebabkan perkara yang remeh. Itu saja yang saya perlukan daripadanya.

Dia pernah memberitahu yang dia tidak pandai memujuk tetapi dia boleh belajar untuk melakukannya.

Sekeras-keras hati seorang perempuan apabila dipujuk akhirnya lembut juga.

Jika hati sudah sayang, bermacam-macam yang kita akan lakukan dan kita sanggup berkorban apa saja asalkan perhubungan ini kekal abadi buat selama-lamanya.

Saya benar-benar mengharapkan dia memahami situasi saya dan berusaha untuk berubah.

Jawapan:

AMBOI, nampaknya percintaan adik dengan kekasih hati yang sudah lama berputik ini sememangnya banyak dugaan. Cara dan personaliti orang berbeza. Setiap individu adalah unik dan mempunyai keistimewaan tersendiri. Keunikan dan keistimewaan inilah yang banyak mewarnai sesuatu perhubungan itu. Kekasih adik menyayangi

adik dengan caranya sendiri.

Sifatnya yang tidak pandai memujuk adik banyak bergantung kepada personaliti dirinya yang banyak dipengaruhi lingkungan budaya, corak didikan dan sifat diri.

Memaksa seseorang untuk berubah bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan.

Tidak semestinya seorang yang tidak pandai memujuk menunjukkan dia bukan seorang kekasih yang baik. Begitulah sebaliknya.

Kata-kata yang manis tidak semestinya menunjukkan tingkah laku yang baik.

Keinginan adik agar setiap kali merajuk, kekasih akan memujuk.

Bagaimana pula dengan persepsi kekasih adik satu perhubungan yang baik? Adakah ia sama dengan persepsi dan keinginan adik? Adakah kekasih adik akan

melakukan sesuatu dengan terpaksa hanya kerana ingin memuaskan keperluan adik?

Dalam perhubungan adik berdua, sememangnya baik jika masing-masing dapat memenuhi keperluan pasangan seikhlasnya.

Tetapi jika ini tidak berlaku, memahami keinginan dan kelemahan pasangan adalah satu jalan untuk meneruskan perhubungan.

Seterusnya, menerima seadanya diri dan pasangan adalah jalan terbaik dalam memastikan hubungan terjaga rapi.

Duduklah berbincang mengenai apa yang disukai dan tidak oleh diri dan pasangan. Cari cara mengatasi masalah yang wujud.

Jika diri tidak dapat berubah disebabkan faktor personaliti dan sikap atas perkara yang membabitkan emosi, terimalah perkara ini

seadanya.

Kesetiaan kekasih untuk bersama-sama adik sejak usianya 13 tahun lagi sudah jelas membuktikan dia menghargai perhubungan ini.

Jika dia boleh berubah daripada seorang yang tidak pandai memujuk kepada pemujuk yang baik, ia satu tanda positif. Jika tidak, terimalah dirinya seadanya.

Adik pula, janganlah memujuk kerana terpaksa dan kemudian berasa sakit hati kerana terpaksa melakukannya. Lakukannya secara ikhlas.

Jika terpaksa lakukannya juga, anggaplah ia sebagai satu rutin yang bukan disebabkan kekasih tidak memujuk kerana tidak sanggup berkorban dalam mengekalkan perhubungan.

Tetapi itulah dirinya yang sebenar. Terimalah bellau seadanya.